

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kesan Revolusi Industri ke-4 terhadap komitmen Kementerian untuk mewujudkan sejuta peluang pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri 4.0 dijangka akan memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan seperti pewujudan dan penghapusan pekerjaan (*job displacement*), peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas. Oleh itu, modal insan negara perlu mempunyai kemahiran yang relevan dan sentiasa memenuhi keperluan pasaran dan ekonomi negara yang dinamik. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi Bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (*Technical Working Group-Skills*) di bawah Industry4WRD yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

SOALAN NO : 15

2. Selaras dengan itu, pelbagai usaha dilaksanakan oleh KSM dalam memperkukuh kompetensi sumber manusia bagi mengenal pasti pekerjaan yang bersesuaian dalam menghadapi Industri 4.0 melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya. Langkah-langkah yang diambil oleh KSM adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;
- (ii) KSM melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bagi 21 sektor ekonomi yang mana telah menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan dan dipantau secara bersama dengan *Industry Lead Body* (ILB) adalah mengikut keperluan industri dan teknologi terkini; dan
- (iii) mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri bersama jabatan/agensi terlibat bagi memberi gambaran jelas berkaitan Industri 4.0. Maklumat hasil perkongsian daripada sesi ini akan seterusnya digunakan untuk mengkaji dan meneliti keperluan tenaga kerja bagi menghadapi Industri 4.0 seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan baharu; dan
- (iv) memperluas akses kepada warganegara untuk mendapatkan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat lima ratus enam puluh dua (562) buah Institusi Latihan Kemahiran

SOALAN NO : 15

Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri (sumber: Statistik Pekerjaan dan Perburuhan Siri 19 Bil.1/2019).

3. Kesimpulannya, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mewujudkan pekerjaan-pekerjaan yang bersesuaian dan menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran untuk memenuhi keperluan Industri 4.0.